



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

28 APRIL 2023 (JUMAAT)

BILANGAN 2/2023 (CPA)

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA NEGERI PERLIS BEKERJASAMA ERAT DENGAN
KASTAM THAILAND BAGI MENGEKANG AKTIVITI PENYELUDUPAN MINYAK DIESEL**

1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan terus bekerjasama erat dengan Kastam Thailand di dalam mengekang aktiviti penyeludupan minyak diesel ke negara jiran seperti JKDM Perlis bekerjasama dengan Padang Besar Customs House dan Wang Prachan Customs House.
2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Perlis juga telah mengeluarkan larangan bagi pengisian minyak diesel dan petrol bersubsidi bagi kenderaan berpendaftaran Thailand.
3. Namun begitu, terdapat inisiatif lain di mana kenderaan-kenderaan ini hanya dibenarkan mengisi minyak diesel tanpa subsidi di dua (2) stesen minyak sahaja di negeri Perlis iaitu di Padang Besar & Wang Kelian.
4. Pada masa yang sama JKDM telah memperketatkan keperluan dokumen yang lengkap terutamanya kes-kes lori yang mengeksport minyak ini. JKDM sememangnya sentiasa bekerjasama dgn KPDN bagi penyemakan kesahihan dokumen.
5. Kastam Thailand juga akan memeriksa mana-mana kenderaan yang masuk ke atau keluar dari Thailand bagi memastikan tiada tangki tambahan pada kenderaan tersebut. Sekiranya sewaktu ditahan terdapat muatan minyak diesel di dalam tangki tambahan tersebut, tangki akan dipotong dan dirampas oleh pihak Kastam Thailand. JKDM akan terus bekerjasama dengan Kastam Thailand supaya kenderaan tersebut tidak dibenarkan meneruskan perjalanan dari Thailand.



cpa@customs.gov.my



www.customs.gov.my



kastam.malaysia.official



03-8882 2394



JabatanKastamDirajaMalaysia



03-8889 5884



@KastamMalaysia

6. Sekiranya aktiviti penyeludupan ini dapat dihidu, JKDM dan Kastam Thailand akan sentiasa segera bertindak bersama.
7. JKDM sedang dalam rangka menyiapkan SOP operasi bersama Kastam Thailand supaya lebih tersusun dan terancang berdasarkan maklumat risikan dan pemantauan.
8. Sehingga Mac 2023 JKDM berjaya mematahkan empat (4) kes penyeludupan minyak diesel, tiga (3) kes di Perlis dan satu (1) kes di Kedah . Jumlah rampasan di **Perlis** adalah sebanyak **4,340 liter** dengan nilai **RM9,331.00**. Manakala di **Kedah** sebanyak **83,000 liter** dengan nilai **RM209,041.00**
9. Tindakan yang biasa seperti Sekatan Jalan Raya akan diteruskan bagi meningkatkan kesedaran dan mewujudkan unsur kejutan dalam pengoperasian pengimportan dan pengeksportan yang tidak hanya tertumpu kepada komoditi minyak diesel sahaja.
10. JKDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Kerjasama daripada orang ramai amat diharapkan agar kita bersama-sama dapat membanteras kegiatan penyeludupan.

Sekian, terima kasih.

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

IBU PEJABAT, PUTRAJAYA

 cpa@customs.gov.my

 03-8882 2394

 03-8889 5884

 www.customs.gov.my

 JabatanKastamDirajaMalaysia

 @KastamMalaysia

 [kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)

 cpa@customs.gov.my
 03-8882 2394
 03-8889 5884

 www.customs.gov.my
 JabatanKastamDirajaMalaysia
 @KastamMalaysia

 [kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)